



## Fakta menarik:

"Sebelum saya membawa kisah mengenai Tanjung Malim, saya hendak kongsikan bagaimana masyarakat ingat saya macam itu (watak dalam kartun), pakai cermin mata, rambut panjang, dashing dan nampak muda. Orang selalu mencari saya sebagaimana watak dalam Kampung Boy."

ISSN :1675-7394

Januari-Jun 2016

## Program Jom Baca Bersama 10 minit Perpustakaan Tuanku Bainun



## Menarik di dalam:

Wawancara Santai Bersama Datuk Lat **3**

Kursus kepustakawan **6**

Library briefing **7**

Lawatan **8**

KLBF & Pameran **9**

Anugerah **10**

Tribute perpisahan **11**



Pada 25 April 2016 tepat jam 11:00 pagi, semua kakitangan dan pengguna perpustakaan diminta berhenti sebentar dari melakukan apa jua aktiviti untuk MEMBACA selama 10 MINIT. Program diadakan sempena Hari Buku Sedunia anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Persatuan Pustakawan Malaysia, Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Se-Malaysia Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri. Sebagai tanda sokongan, Perpustakaan Tuanku Bainun turut terlibat dalam menjayakan program ini di samping meningkatkan budaya membaca di kalangan pengguna perpustakaan ke arah membentuk rakyat Malaysia minat membaca dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Aktiviti ini telah disertai seramai 96 orang bertempat di ruang membaca aras 1, Perpustakaan Tuanku Bainun.

## DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Salam hormat dan selamat menyambut tahun baharu 2016. Cabaran perpustakaan akademik di awal tahun 2016 adalah pengurangan bajet mengurus dan bajet perolehan buku dan sumber perpustakaan lain. Di samping itu GST juga dikenakan bagi perolehan bermula April tahun ini. Keadaan ekonomi negara sebegini memerlukan perbelanjaan berhemah bagi universiti dan perpustakaan kerana ia melibatkan pemotongan bajet secara keseluruhan yang diterima oleh setiap universiti untuk diagihkan kepada semua fakulti dan pusat tanggungjawab. Perolehan buku baharu mengambilkira bahan rujukan utama dan buku rujukan yang betul-betul diperlukan, termasuk tambahan buku penerbitan yang terkini dan relevan dengan program yang dijalankan di universiti. Namun demikian perkhidmatan dan kemudahan kepada pelanggan perpustakaan tetap menjadi fokus bagi Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI. Ini bermakna staf perpustakaan perlu sentiasa cekap dalam memberi perkhidmatan dan berusaha meningkatkan pengetahuan dan kompetensi diri. Pada 5-7 Februari 2016, perpustakaan berjaya mengadakan ‘retreat’ atau ‘team building’ di Melaka yang melibatkan majoriti staf. Perancangan bagi permohonan bajet untuk ‘retreat’ ini adalah pada tahun 2015. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan untuk meningkatkan motivasi dan semangat kerjasama serta ‘sense of belonging’ dalam kalangan staf. Salah satu pengisian program adalah ceramah bertajuk “Bekerja dari Perspektif Islam” yang disampaikan oleh Y.Bhg. Dr. Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi iaitu Timbalan Pengarah Pusat Islam, UPSI. Program ini membawa manfaat untuk semua staf agar lebih menghayati diri dan berazam meningkatkan perkhidmatan dengan lebih cemerlang serta memenuhi kepuasan pelanggan. Semoga perpustakaan akan terus mencapai kejayaan yang bukan hanya diukur secara luaran, tetapi mentaliti dan sikap terbuka semua staf yang positif dan mencerminkan budaya yang bersopan dan menarik.

*Rusliza Yaacob*



## DARI MEJA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua pembaca budiman.

Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI bertuah menjadi pusat penyebaran ilmu yang bukan hanya memberi manfaat kepada warga universiti malah kepada masyarakat sekitar Tanjung Malim terutamanya pelajar sekolah. Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan memungkinkan budaya membaca dan menuntut ilmu dapat dilaksanakan secara berterusan.

Perpustakaan memaparkan beberapa artikel yang boleh dikongsi bersama untuk isu kali ini seperti latihan atau kursus khusus yang menampilkan penceramah luar dan diadakan di perpustakaan untuk pegawai profesional dan pembantu perpustakaan. Diantaranya adalah Institutional Repository (IR), Resource Description and Access (RDA), Transformasi Pentadbiran dan Pengurusan Perpustakaan dan beberapa artikel lain. Selain daripada meningkatkan budaya membaca, artikel dan laporan ini boleh disimpan sebagai dokumentasi perpustakaan untuk rujukan di masa akan datang.

Pelbagai program dan aktiviti diadakan di perpustakaan untuk tatapan pelanggan dan pembaca semua, termasuklah pameran bertema yang diharapkan dapat memberi tambahan maklumat dan ilmu. Selain menyajikan aktiviti untuk pelanggan dan pengunjung, perpustakaan juga menerima lawatan dari pelbagai institusi dan sekolah serata negeri dan dari luar negara. Saya berharap perpustakaan bukan hanya menjadi gedung ilmu, tetapi sebagai pusat interaksi dan percambahan fikiran dalam kalangan para ilmuan.

*Siti Sumaiyah Ramli*

## WAWANCARA SANTAI BERSAMA DATUK LAT

Program Santai Bersama Datuk Lat anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun dan Pejabat Karang-Mengarang, UPSI telah diadakan pada 1 Oktober 2015 bertempat di Dewan SITC. Program yang berbentuk sembang santai ini dikendalikan oleh Encik Hassan Mohd Ghazali (HAS), pensyarah kanan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK). Berikut adalah ringkasan wawancara tersebut:

### PENGENALAN

HAS): Terima kasih kepada puan pengacara majlis, para pelajar dan peminat- peminat kartun sekalian...

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.

Sebelum kita mula, berikan tepukan kepada Datuk Lat kerana sudi datang ke UPSI untuk bersantai bersama kita pada petang ini. Kita sama- sama mengetahui Datuk Lat adalah seorang insan yang sangat unik. Kalau kita tidak berkenalan dengan beliau rasanya sangat rugi kerana keunikian beliau yang sangat istimewa dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Dunia kartun di Malaysia daripada awal lagi telah berkembang daripada tahun 1930an sehingga kemuncak pada 80 dan 90an. Saya juga terlibat pada era 80an. Pengaruh kartun Lat sejak saya di alam persekolahan sangat hebat. Karya pertama beliau iaitu "3 Sekawan" menjadi rebutan. Pengaruh itu membawa saya untuk menceburi dunia kartun dan sekarang dalam bidang seni visual.

Pada petang ini, kita akan berbicara bersama Datuk Lat mengenai perkembangan dunia kartun dan pengalaman beliau. Saya tertarik dengan kartun Lat kerana ia merangkumi bidang sosial, ekonomi dan politik serta kritikannya sangat sinis.

### DATUK LAT DAN TANJONG MALIM

HAS: Datuk Lat pernah mengisahkan mengenai pau Yik Mun dan Tanjong Malim dalam kartun. Minta Datuk Lat terangkan kisah tersebut...

**Datuk Lat (LAT):** Assalamualaikum WBT...

Sebelum saya membawa kisah mengenai Tanjong Malim, saya hendak kongsikan bagaimana masyarakat ingat saya macam itu (watak dalam kartun), pakai cermin mata, rambut panjang, dashing dan nampak muda. Orang selalu mencari saya sebagaimana watak dalam Kampung Boy. Mereka tidak sangka saya hanyalah orang tua yang tercegat di sini. Saya telah melukis lebih dari 50 tahun. Semasa melukis di New Straits Times, semua cerita mengenai hal-ehwal semasa. Contohnya, mengenai PLUS Highway. Pada mulanya saya belum merasa menggunakan highway ke Ipoh. Bila dapat peluang menggunakan, baru sedar rupanya tidak menempuh pekan Tanjong Malim. Dahulu saya dan ayah sekeluarga mesti berhenti di pekan Tanjong Malim untuk makan pau Yik Mun. Dahulu saya duduk di Kuala Lumpur dan sering balik ke Kota Baru di Gopeng. Saya memang minat dengan pekan Tanjong Malim bukan sahaja kerana paunya tetapi kerana pada hari minggu di padang ada orang berjual. Saya buat kisah orang jual ubat dan pakaian di pekan Tanjong Malim yang masa itu menjadi tumpuan untuk orang ramai untuk berehat.

HAS: Itu baru *intro* mengenai Tanjong Malim. Ini menunjukkan Datuk Lat sangat sensitif dengan isu- isu semasa. Itulah sebabnya kartun Lat menjadi bahan rujukan untuk orang menjalankan penyelidikan dalam bidang seni visual. Macam mana Lat dapat idea dan bagaimana menterjemahkan idea-idea dalam kartun. Sebagai contoh, kartun dulu- dulu lukis kereta bulat- bulat tetapi kereta pada masa itu petak- petak. Sekarang ini kereta semua bulat-bulat macam dalam kartun. Ini menunjukkan kartun boleh mendahului zaman.

Baik Datuk, ada orang tanya kenapa Datuk menggunakan nama Lat?



**LAT:** Orang asal dari kampong memang ada nama lain. Nama sebenar saya Muhamad Nor Khalid. Masa kecil kepala saya bulat. Opah dan ayah saya panggil saya bulat. Lekat nama itu sampai ke sekolah dan akhirnya jadi Lat sahaja. Semasa bersekolah di Ipoh, tingkatan 1-5, bila saya balik ke kampung, jumpa orang-orang lama mereka akan tegur saya “bila kau sampai Bulat?”. Tidak sangka nama Bulat atau Lat ini kekal dari mula bekerja sampai ke umur tua.

#### PENGLIBATAN AWAL

**HAS:** Datuk Lat banyak menyentuh kisah-kisah zaman persekolahan terutamanya di SMK Anderson, Ipoh. Pada era tersebut, bila baca kartun Lat, kita akan tahu situasi persekolahan pada masa dahulu. Minta datuk ceritakan pada kami pengalaman persekolahan tersebut dan bagaimana terjemahkan ke dalam bentuk kartun.

**LAT:** Tahun 60an, hubungan antara sahabat memang rapat dan pelbagai kaum. Mula sekolah di kampung. Selepas lulus Special Malay Class, saya masuk sekolah Inggeris iaitu Sekolah Jalan Pasir Putih. Dalam darjah saya bercampur-campur pelbagai kaum sehingga ke sekolah menengah. Hubungan dengan rakan-rakan amat rapat sebab selalu berkongsi buku, muzik, sukan dan perkembangan filem. Ada geng, selalu jumpa pada hari Sabtu di bandar, padang ataupun di panggung wayang. Cerita remaja, kita lebih cenderung kepada rakan sebaya dan lebih hendak tahu tentang kawan mereka walaupun berlainan bangsa. Kadang-kadang mereka ajak ke rumah mereka dan kadangkala saya ajak ke rumah saya untuk berbincang mengenai buku James Bond, Enid Blyton seperti *Famous Five* dan *Secret 7*. Ia jadi kenangan manis yang tidak boleh dilupakan. Hubungan dengan rakan-rakan masih berterusan sehingga ke tua. Pada pandangan saya, anak-anak muda sepatutnya jangan buang masa. Saya guna masa lapang untuk melukis kartun. *Kampung Boy* adalah cerita mengenai hal ehwal saya semasa duduk di kampung. Manakala cerita *Town Boy*, adalah masa saya bersekolah di Ipoh. Oleh kerana pada masa itu penempatan semula giat berlaku, keluarga saya tinggal di Sungai Rokam, Ipoh. Jadi orang Ipoh dan hidup dalam suasana orang bandar. Semua ini boleh dijadikan cerita untuk menggalakkan persahabatan.

(Bersambung di muka surat 5)

## KERJAYA SEBAGAI KARTUNIS

HAS: Datuk selalu cerita dalam sesuatu situasi semasa terutama situasi semasa kecil. Orang mengkaji daripada aspek pakaian, peralatan pada zaman tersebut. Karya-karya Datuk Lat menjadi dokumentasi sejarah. Bagaimana datuk boleh pindahkan sesuatu situasi kepada idea kartun. Bagi makluman hadirin, kartun ini berbeza daripada illustrasi. Kartun ini ada *stroke*. *Stroke* kartun Lat mempunyai identiti tersendiri iaitu *stroke* Malaysia. Ia berbeza jika dibandingkan dengan *stroke* kartun barat. Boleh datuk terangkan bagaimana boleh pindahkan sesuatu idea kepada kartun?

**LAT:** Saya menjadi pemberita sejak berumur 19 tahun di Berita Harian, Kuala Lumpur. Kita memang kuat kejar berita. Saya ditempatkan di *crime desk* iaitu mencari berita mengenai polis, bomba dan hospital. Saya selalu berada di hospital dan balai polis untuk cari berita. Kita sebagai pemberita mesti mendapatkan berita penuh dan memberikan penerangan yang padat serta tepat kepada pembaca. Kalau kes rumah terbakar, siapa mangsanya?, apa tindakan yang diambil?, berapa lama bomba sampai?, itu semua menjadi bahan berita. Masa yang sama saya sudah melukis kartun di Berita Minggu sejak di sekolah lagi. Jadi pemberita pun melukis juga, apatah lagi tinggal di Kuala Lumpur, memang di tengah-tengah gelanggang seni melukis kartun.

Bila melukis kartun, ia lebih daripada berita. Kartun adalah adaptasi daripada bacaan. Mereka tidak baca cuma tengok gambar sahaja dan mereka lagi cepat faham. 3 saat sahaja sudah boleh faham. Dalam sebuah kotak kartun, ada dialog sikit atau tiada dialog, pembaca boleh faham dalam masa 3 saat. Jika pembaca faham, dia akan senyum. Jika tidak faham, tengok lagi dan lagi dan masih tidak faham, pembaca akan marah. Saya cenderung kepada kartun kerana kartun lebih mudah menarik perhatian pembaca. Lukisan saya juga *improve* sejak bekerja dengan akhbar.

Saya dapat peluang untuk melukis kartun dalam majalah dan akhbar. Keluarga si Mamat sejak 1968 berterusan sehingga 26 tahun. Dalam *New Straits Times* lebih 40 tahun. Saya sentiasa fikir apa cerita dalam akhbar yang boleh menarik perhatian pembaca. Pada masa itu, saya masih muda lagi dan masih cenderung kepada budaya berbilang kaum. Saya cenderung kepada kawan-kawan Cina, India, Sikh dan Serani. Bercampur dengan pelbagai bangsa sebab mereka juga cenderung kepada budaya kita. Suatu hari sebagai contoh, saya tengok gambar majlis perkahwinan kaum Sikh. Timbul idea untuk melukis mengenai majlis perkahwinan kaum Sikh. Majikan saya, Tan Sri Samad Ismail bagi kebebasan berkarya tapi dengan syarat lukisan tersebut mesti diterima oleh masyarakat. Saya naik bas *Thong Fong* pergi ke majlis perkahwinan Sikh di kuil Kampung Pandan. Sampai di sana, saya dibenarkan masuk dengan syarat tutup kepala dengan kain, saya tutup dengan sapu tangan, masa itu rambut saya panjang. Saya dapat menyaksikan budaya perkahwinan mereka, banyak cerita daripada budaya merisik sehingga ke majlis persandingan. Saya lukis kartun setiap hari Isnin, Selasa dan Sabtu dalam *NST* mengenai majlis perkahwinan tersebut. Ramai orang Punjabi telefon dan ucapkan terima kasih. Kita masukkan unsur-unsur kelucuan yang ada kebenaran tetapi bukan untuk mencari keburukan. Contohnya, budaya Sikh, bapa pengantin lelaki akan memeluk besannya dan mengangkatnya sesama sendiri.

Teks wawancara ini bersambung pada keluaran akan datang.

## International Student Library Briefing

It is our great pleasure to welcome all the International Students to our library. The library is here for you and it is our responsibility to ensure we can fulfill our customer needs professionally in support of the university's teaching-learning and research activities. We wish all the best for you and hope rewarding experience at this great university.



**Lawatan dari sekolah, universiti dan institusi ke Perpustakaan Tuanku Bainun sepanjang bulan Januari hingga Mei 2016**



Lawatan dari Universiti Fatoni, Thailand pada 17 Mac 2016



Lawatan dari Geomatika University College pada 28 Mac 2016



Lawatan dari staf Perpustakaan MPSJ pada 11 April 2016



Lawatan dari SMK Padang Serai, Kedah pada 28 April 2016



Lawatan dari YADIM, Universiti Yogyakarta, Indonesia pada 10 Mei 2016



Lawatan dari YADIM, Universiti Malaysia Terengganu pada 26 Mei 2016

## Kursus Kepustakawanan

### Kursus RDA TOOLKIT



PM Dr. Hamidah  
Abdul Rahman



Kursus RDA Toolkit telah diadakan pada 21-23 Mac 2016 untuk pegawai ikhtisas PTB dan staf bahagian Pengkatalogan. Kursus dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Hamidah Abdul Rahman, Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA, yang juga merupakan pakar pengkatalogan di Asia.

### Kursus Repositori Institusi



Tuan Haji Salleh  
Hudin Mustaffa



Kursus Repositori Institusi telah diadakan pada 9-10 Mac 2016 untuk pegawai Ikhtisas PTB . Kursus dikendalikan oleh Tuan Haji Salleh Hudin bin Mustaffa, Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia.

## Kursus Kepustakawan

### Kursus Transformasi Pentadbiran dan Pengurusan Perpustakaan



**Ketua Pustakawan, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, para Pustakawan bergambar bersama Puan Hajah Roshidah Haji Bolhassan selepas selesai kursus.**

Kursus Transformasi Pentadbiran dan Pengurusan Perpustakaan telah diadakan pada 25 Mei 2016 untuk pegawai Ikhtisas PTB . Kursus dikendalikan oleh Puan Hajah Roshidah Haji Bolhassan, Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak.

### Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

Perpustakaan Tuanku Bainun turut membuat pemilihan buku di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di Malaysia Agro Exposition Park Serdang pada 3 Mei 2016. Beberapa orang pensyarah mewakili fakulti di UPSI telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam memilih bahan bacaan yang sesuai untuk dijadikan rujukan dalam perpustakaan. Pemilihan buku ini telah menjadi satu kemestian bagi perpustakaan dalam usaha mendapatkan buku rujukan yang terkini dalam pasaran.



Dr. Asri yang mewakili FPE sedang memilih buku



Prof. Dato' Dr. Aminah Ayob turut serta mewakili FPPM

## Anugerah Pentadbir Harapan

**OffPAC** bantu pengguna akses bahan lebih mudah

Oleh Ihsan Noorzali  
bhawani@jpn.mys  
• Muslim

Pengaruh teknologi pada dunia perpustakaan semakin meningkat. Universiti Persekutuan Sultan Idris Shah (UPSI) mengeluarkan aplikasi mudah alih dinamik iaitu OffPAC (Online Public Access Catalogue). OffPAC bagi memudahkan pengguna mencari maklumat dan mendapatkan laporan.

Ketua Pustakawan, Rauliza Yasmin berkata, dengan menggunakan OffPAC, pengguna PTB boleh mencari maklumat di dalam Online Public Access Catalogue (OPAC) tanpa memerlukan pencarian halaman.

**Lokasi terpal**

Ketika mendiskusikan ciri-ciri OffPAC, dia segera menunjukkan penggunaan tidak legit yang dilakukan oleh pelaku nombor panggilan.

OffPAC merupakan aplikasi Android serta perniagaan untuk penggunaan di perpustakaan. Selain itu, ia juga dibangunkan bagi membantu bahan pengguna selain daripada buku dan mewujudkan lagi perkhidmatan.

Menurut Rauliza, pengguna OffPAC boleh memperoleh maklumat tentang buku dengan fungsi pencarian dan tidak perlu lagi mencari maklumat di dalam OPAC yang disediakan. Selain itu, ia juga boleh membuat pencarian maklumat yang sama ada bahan bacaan atau maklumat yang ditulis dalam kodizi PTB.

"Pengguna juga boleh mendapatkan maklumat sahaja terhadap maklumat yang mereka cari tanpa perlu mengakses internet untuk mengakses maklumat maklumat lokasi PTB katanya.

**Kesemua klan produk**

Produk itu pernah mendapat pengiktirafan pada Pameran Sains dan Inovasi (PSI) kecapi, Inovasi dan Antarausaha (ITEX) 2014 di Kuala Lumpur dan dianugerahkan Pingat Gangsa di ITEX 2015 dan ITEX 2016.

Bukan sahaja itu, OffPAC juga mendapat pengiktirafan pada Sistem SiberPROF manakala Aplikasi Android dan iOS OffPAC meraih dua pingat Emas di ITEX 2015 dan ITEX 2016. Menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2006 dan 2015. Anak jati Kedah ini aktif di dalam MySYL (Pustakawan Sistem Maklumat Malaysia). Terlibat dalam membina aplikasi untuk pelajar sekolah seperti plusMinus dan Malaysia Delights yang dibangunkan untuk meningkatkan keupayaan bahasa dan arithmetic kepada pengguna.

### ANUGERAH PENTADBIR HARAPAN

Khairul Asyrafi Sulaiman

Berkhidmat di UPSI mulai 16 Julai 2004 sebagai Pegawai Teknologi Maklumat, Perpustakaan Tuanku Bainun. Berjaya melaksanakan beberapa inovasi dalam pembangunan sistem dan mencapai kejayaan menaikkan imej dan reputasi universiti iaitu memenangi Anugerah YB Pegawai Kewangan Negeri Perak di Konvensyen KIK Negeri Perak 2009 melalui Sistem iSYS.

Sistem Pustaka VRS yang dibangunkan oleh beliau memenangi Pingat Gangsa di MTE 2013, ITEX 2015 dan Pingat Perak di NuCEL 2015. Mendapat Pingat Perak di ITEX 2014 dalam Sistem SiberPROP, manakala Aplikasi Android dan iOS OffPAC meraih dua pingat Emas di ITEX 2015 dan ITEX 2016. Menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2006 dan 2015. Anak jati Kedah ini aktif di dalam MySYL (Pustakawan Sistem Maklumat Malaysia). Terlibat dalam membina aplikasi untuk pelajar sekolah seperti plusMinus dan Malaysia Delights yang dibangunkan untuk meningkatkan keupayaan bahasa dan arithmetic kepada pengguna.



## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

### Perpustakaan TUANKU BAINUN



Nama : Devendran a/l Vasamithakumaran

Tarikh Lapor Diri : 01-OCT-2010

Nombor Pekerja : K02126

Jawatan : PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17



Nama : Firdausiah binti Ahamad

Tarikh Lapor Diri : 01-FEB-2010

Nombor Pekerja : K02024

Jawatan : PUSTAKAWAN S41



Nama : Khairul Asyrafi bin Sulaiman

Tarikh Lapor Diri : 16-JUL-2004

Nombor Pekerja : K00978

Jawatan : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F44



Nama : Suliza binti Osman

Tarikh Lapor Diri : 01-OCT-2010

Nombor Pekerja : K02138

Jawatan : PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17



Nama : Zarinah binti Abdul Rahman

Tarikh Lapor Diri : 01-NOV-2001

Nombor Pekerja : K00479

Jawatan : PEMBANTU PERPUSTAKAAN S22 (KUP)



Nama : Paridah binti Elias

Tarikh Lapor Diri : 01-FEB-1986

Nombor Pekerja : K00115

Jawatan : PEMBANTU PERPUSTAKAAN S22 (KUP)

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Saudara Khairul Asyrafi Sulaiman, yang telah menerima Anugerah Pentadbir Harapan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf 2015 baru-baru ini. Tahniah juga diucapkan kepada kakitangan perpustakaan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015. Semoga terus cemerlang bersama Perpustakaan Tuanku Bainun.

## Tribute Perpisahan Puan Paridah bt Elias



Seperti putaran bumi, perjalanan masa dari gelap kepada cerah, seperti siang yang panas dikejutkan dengan guruh untuk pelangi nan indah...begitu jua kami yang masih di sini.. Kini menyadari, hari ini hari terakhirmu bersama kami. Cepat sungguh masa berlalu, semalam rasanya baru kenal, hari ini baru nak mesra, esok dah nak berpisah .. Paridah bt Elias, sewaktu-waktu yang lalu, terasa indah bersamamu.

Paridah bt Elias, suatu ketika dahulu....kita mula bertemu dan lama kita saling bertamu. Paridah bt Elias, terzahir pertemuan kita di daerah ini, tidak menyangka terjalin silaturrahim.. Ada yang sampai ke lubuk hati, ada jua sekadar rakan sekerja... manusia sememangnya tidak sama, dalam mengumpul khazanah dunia berupa sahabat. Teman yang baik sukar dicari, lebih sukar untuk ditinggalkan, malah mustahil untuk dilupakan.

Setiap kekurangan, terselit kelebihan...

Paridah bt Elias, terzahir kekuranganmu, kelemahan kami yang seharusnya dibaiki. Namun sepanjang mengenalimu dalam pelbagai dimensi, tuan melengkapkan organisasi ini. Dalam bekerja, tuan akur dengan masa yang melihat kita. Dalam berkawan, tuan senang mencari keserasian. Dalam berjanji, tuan seorang yang sukar memungkiri. Dalam beridea, tuan selalu meluahkan kata. Dalam berbicara, tuan menyelit alasan rasional. Dalam berduka, tuan tak lupa menzahirkan rasa. Dalam bergurau, tuan sering memeriahkan suasana. Dalam berjemaah, tuan akan mengikut serta. Dalam bertandang, tuan sering mengambil bahagian. Dalam bermuafakat, tuan mencari kalimah berkat. Dalam bersusah, tuan akur bersama-sama. Dalam berusaha, tuan akan mencari masa. Dalam mengajar, tuan sedia menunjuk ajar. Dalam berbudi, tuan luhur memberi....


Kami masih menghitung waktu, biarpun telah pasti datang janji perpisahan...takdirpun memutuskan, pertemuan kita tidak panjang, tuan akan pergi ke daerah pengalaman baharu, sedang kami akan masih di sini, meneruskan perjuangan. ....

Sudah menjadi wasiat hidup, milik kita adalah kehilangan...tuan pergi meninggalkan kami, yang berbekas hanyalah kenangan. Pasti....memori terindah yang tak akan pernah luput daripada ingatan. Yang patah pastikan tumbuh, yang hilang pastikan berganti.... Namun tak akan ada pengganti sepertimu..

Selamat jalan, sahabatku..... Paridah bt Elias.

Nukilan : Noriha Muhammad

## Librarians' Nite 2016



Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) telah mengadakan sambutan Hari Pustakawan pada 16 April 2016 bertempat di Kelab Shah Alam Selangor. Majlis yang bertemakan warna hijau ini telah dihadiri oleh Ketua Pustakawan, Puan Rusliza binti Yaacob serta pustakawan PTB.

## SEKITAR MAJLIS IFTAR KLiK



Kelab Kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun (KLiK) menganjurkan majlis berbuka puasa pada 9hb. Jun 2016. Majlis diserikan dengan tazkirah Ramadhan yang disampaikan oleh Dr. Muhammad Rozaimi bin Ramle, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan yang juga merupakan Ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis.

### SIDANG REDAKSI:

Penasihat: **Rusliza Yaacob**

Ketua Pengarang: **Hajah Siti Sumaizan Ramli** Ketua Editor: **Najah Saghirah Haroman**

Pengarang: **Mohd Razalli Ahmad Termizi, Najah Saghirah Haroman, Firdausiah Ahamad, Ruziah Ahmad, Fadzilah Abdullah, Suliza Osman, Noriha Muhammad.**

Penerbitan dan Edaran: **Ahmad Fazli Ahmad Rasmi**; Fotografi: **Muhammad Zuhad Abdul Aziz**, Pereka Web **Wan Kartini Wan Sulaiman**